

02 SEP 2001

Lee-Ketibaan

LEE KUAN YEW TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew tiba di sini hari ini untuk lawatan empat hari bertujuan meningkatkan hubungan antara Singapura dan Malaysia -- dua jiran yang berkongsi sejarah.

Ketibaan beliau di Lapangan terbang Antarabangsa KL di Sepang disambut Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Lawatan terakhir Lee ke Malaysia ialah pada Ogos tahun lepas dan ketika itu beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membincangkan pakej isu-isu dua hala yang pernah ada ketikanya menimbulkan ketegangan dalam hubungan kedua-dua negara.

Isu-isu itu selain perkara dua hala, dijangka akan dibangkitkan dalam pertemuan Menteri Kanan itu dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Isu-isu dalam pakej itu ialah perjanjian baru bekalan air kepada Singapura, penempatan semula pusat pemeriksaan kastam Malaysia di stesen kereta api Tanjung Pagar, pembangunan tanah kereta api milik Malaysia di Singapura, penggunaan ruang udara oleh tentera udara Singapura dan pengeluaran wang pencen oleh rakyat Malaysia dari Semenanjung yang telah bekerja di Singapura.

Lee juga dijadual mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan para pegawai kanan Malaysia yang lain.

Singapura menyertai Malaysia pada 1963 tetapi menarik diri dua tahun kemudian dan menjadi sebuah negara merdeka. Ia kini merupakan sebuah negara pulau yang makmur dengan kira-kira empat juta penduduk.

-- BERNAMA

MAM HS RON